

**Petaling Jaya**

**Anak Awang Adek meninggal dunia**

Anak Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Awang Adek Husin meninggal dunia, malam kelmarin.

Ahmad Azran, 33, anak ketiga daripada lima beradik itu menghembuskan nafas terakhir di kediamannya di Tropicana di sini, jam 11.43 malam.

Awang Adek berkata, anaknya meninggal dunia dipercayai selepas diserang sawan.

Katanya, Allahyarham anak istimewa dan ada masalah kesihatan sejak kecil. "Doktor memaklumkan, arwah ada kecederaan di otak dan sering diserang sawan serta demam sejak

berusia setahun. Ia berlautan sehingga dewasa, kadang-kadang sebulan sekali diserang sawan.

"Malam tadi (kelmarin), saya dan isteri tiada di rumah kerana menghadiri program di Bachok mana-kala isteri di Pulau Pinang.

"Pemergian Allahyarham disedari adik perempuan saya yang menjaganya sejak kecil apabila melihat Allahyarham tersungkur di biliknya dengan muka di atas

JENAZAH Ahmad Azran dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara untuk dikebumikan, semalam.



Abdul Rahemang Taiming  
cnews@nstp.com.my

**Semporna**

"Kami dengar jeritan meminta tolong, tetapi lama-kelamaan suara itu semakin perlahan dan terus lenyap," kata lelaki dikenali sebagai Ari, 28, saksi kebakaran rumah kongsi THS Collecting Centre di Kilometer 20, Jalan Semporna, Kampung Pegagau, di sini, yang mengorbankan nyawa tiga beradik, kelmarin.

Ari berkata, tiada apa yang dia dan beberapa penduduk lain mampu lakukan untuk menyelamatkan tiga beradik berkenaan kerana api marak sangat cepat.

"Bapa kanak-kanak itu cuba masuk ke dalam rumah ketika api marak bagi menyelamatkan anaknya, tetapi dihalang penduduk. Jika tidak mungkin dia juga menjadi mangsa," katanya.

Beliau antara penduduk

**Jeritan lenyap dalam api**

**Wanita pengsan berkali-kali terlalu sedih rumah terbakar ragut nyawa tiga anak**

ANGGOTA forensik bomba menjalankan siasatan di lokasi kebakaran yang mengakibatkan tiga beradik rentung di Semporna, malam kelmarin.

yang berusaha membantu menyelamatkan tiga beradik terbabit dalam tragedi jam 7.40 malam itu.

Tiga beradik terbabit ialah

pasangan kembar lelaki dan perempuan, Harmasius Roman @ Abdullah (5) Fonsalina (5) dan Amsalinus (4)

mereka, Amsalinus, empat tahun.

Mayat mereka ditemui rentung di bawah rumah berhampiran tangga dapur dipercayai cuba menyelamatkan diri tetapi gagal.

Semua mangsa tinggal bersendirian kerana bapa mereka keluar mengambil ibu mereka yang baru pulang bekerja.

Ari berkata, ketika kejadian, dia berada di rumahnya sebelum ternampak api bermula di ruang tamu dan merebak ke bilik dan dapur rumah jirannya itu.

Katanya, ibu bapa kanak-kanak itu tiba di rumah ketika api marak. Walaupun bapa mereka cuba meredah api bagi menyelamatkan tiga anaknya, dia dihalang penduduk kampung.

"Ibu kanak-kanak berkenaan beberapa kali pengsan dan hanya mampu meraung memanggil nama ketiga-tiga anaknya ketika api marak namun tiada jawapan.

"Haiwan peliharaan keluarga itu termasuk beberapa ayam dan kucing turut rentung," katanya.

Bapa saudara mangsa, Donjuan Inaman, 50, terkejut dengan kejadian yang meragut nyawa tiga anak saudaranya itu sekelip mata, na-

mun reda dengan apa yang berlaku.

"Kali terakhir berjumpa anak saudara kembar itu ketika saya menjemput mereka pulang dari Tadika KEMAS Kampung Mentertip, Khamis lalu.

"Mereka sangat rapat dengan saya dan suka bergurau. Ini kerana memang menjadi kebiasaan saya menghantar serta mengambil mereka balik tadika," katanya yang memberitahu jenazah tiga beradik itu dikebumikan di kawasan perkuburan di kawasan permentertip sebaik bedah siasat selesai dijalankan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Semporna, Superintendent Peter Umbus berkata, ketika kejadian semua mangsa berada bersendirian di rumah kerana bapa mereka

keluar mengambil isterinya di ladang sawit peringkat satu Pegagau.

"Ketika dalam perjalanan pulang, ibu bapa mangsa terlihat keputihan asap dan apabila tiba, mereka terkejut mendapati rumah mereka terbakar.

"Selepas api dipadamkan, semua mangsa ditemui rentung di bawah rumah berhampiran tangga dapur. Mayat semua mangsa dibawa ke Hospital Semporna untuk dibedah siasat," katanya, di sini semalam.



**“Mereka sangat rapat dengan saya dan suka bergurau.”**  
Donjuan Inaman

